



PARA pemenang bergambar bersama jawatankuasa penganjur kejohanan sebagai tanda kenangan.

74 pemain sertai Kejohanan Badminton 'Let's Shuttle 2024!'

SERAMAI 74 pemain menyertai Kejohanan Badminton 'Let's Shuttle 2024!' yang berlangsung selama dua hari di Dewan Sri Kenyalang Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) di Bintulu, baru-baru ini.

Estrada Alponsus Ake dan Hor Weng Yio merangkul juara kategori beregu lelaki manakala juara kategori beregu wanita disandang oleh Catherine Charles dan Joycelyn Tu Yu Tian.

Sementara itu, juara beregu campuran pula dimenangi oleh Aaron Goh dan Venice Goh.

Fasilitator kursus merangkap penasihat kejohanan, Mohammad Thaqif Tong berkata, sambutan dilihat menggalakkan dengan penyertaan peserta dari negara lain.

"Kejohanan ini julang kali diadakan selepas dewan itu dibuka untuk kegunaan aktiviti riadah warga kampus serta sewaan umum.

"Dengan kaedah sedemikian, ia dapat mempromosikan kemudahan fasiliti sukan serta bakat sukan pelajar yang terdapat di UPMKB untuk dikembang-

kan secara meluas," katanya dalam satu kenyataan daripada UPMKB.

Kejohanan terbahagi kepada tiga kategori tersebut anjuran Pelajar Kursus Kokurikulum Badminton Berkredit QS2102 (Kumpulan 1), Semester Kedua Sesi Akademik 2023/2024 UPMKB.

Difahamkan, kejohanan yang turut menarik penyertaan warga negara jiran, Kalimantan Indonesia yang bekerja di Bintulu itu menekankan kaedah pembelajaran secara 'Immersive Face-to-Face'.